

**NO. SOALAN: 323**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG ]**

**RUJUKAN : 8739**

**SOALAN:**

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes buang bayi yang berlaku di negara kita dan jumlah kes yang berlaku di negeri Sarawak serta tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini

## **JAWAPAN:**

**Kes pembuangan bayi mendapat perhatian di media massa dan sering dibincangkan dalam pelbagai forum dalam negara ini. Dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, kes pembuangan bayi sering dikaitkan dengan perlakuan sumbang seseorang dan sebagai jalan pintas untuk menutup malu dan perlakuan sumbangnya daripada diketahui oleh masyarakat setempat, mereka yang terlibat mengambil langkah untuk membuang bayi berkenaan. Siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah mengikut seksyen 302, seksyen 309 (A), seksyen 312, seksyen 313, seksyen 314, seksyen 315, seksyen 316 dan seksyen 318 Kanun Keseksaan (KK). Kesalahan sedemikian disiasat di bawah seksyen yang berkenaan kerana ianya melibatkan kesalahan terhadap nyawa seseorang.**

**Sebelum kes pembuangan bayi dibuka, pegawai penyiasat akan membuat penelitian terlebih dahulu untuk mengenalpasti punca kematian bayi tersebut bagi menentukan kes diklasifikasikan dibawah mana-mana seksyen yang berkenaan. Sekiranya bayi yang dibuang masih hidup atau disebabkan oleh perbuatan membuang bayi telah mengakibatkan bayi itu meninggal dunia maka kes akan disiasat dibawah sek 302 KK atau 304 KK. Walaubagaimanapun, sekiranya bayi itu didapati meninggal dunia semasa dilahirkan dan kemudian dibuang, maka kes akan disiasat dibawah seksyen yang lain. Klasifikasi kes banyak bergantung kepada keputusan *post-mortem* untuk menentukan**

**sama ada bayi yang dibuang itu meninggal selepas dibuang atau meninggal sebelum dibuang.**

**Statistik kes pembuangan bayi di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga 2015 seperti berikut:-**

KONTINJEN	2013	2014	2015
PERLIS	5	1	1
KEDAH	3	4	14
PULAU PINANG	6	5	3
PERAK	7	6	6
SELANGOR	19	27	21
KUALA LUMPUR	4	12	12
NEGERI SEMBILAN	5	6	8
MELAKA	2	5	1
JOHOR	10	8	13
PAHANG	2	4	7
TERENGGANU	3	2	3
KELANTAN	1	5	5
SABAH	14	15	11
SARAWAK	9	3	6
JUMLAH	90	103	111

**Antara tindakan yang diambil bagi menangani kes pembuangan bayi adalah seperti berikut:-**

- i) Mengadakan kempen keselamatan diri dan kesedaran terhadap kesalahan undang-undang dikalangan remaja. PDRM sering mengadakan aktiviti seperti syarahan, forum, pameran dan aktiviti melibatkan remaja atau kanak-kanak yang bertemakan keselamatan dan pencegahan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak;
- ii) Menganjurkan Kempen Kesedaran Wanita (WAC) dan Kempen Kesedaran Kanak-Kanak (CAC). Kempen tersebut telah melibatkan seramai 30,524 pelajar sekolah menengah, pelajar IPTA/IPTS seramai 3,900 dan 20,340 kaum wanita.
- iii) Selain itu, PDRM bekerjasama dengan pihak RHB Capital Berhad dalam Program Cegah Jenayah '*Reuniting Families*' bagi tujuan mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah. Program ini merupakan usahasama antara RHB, MCPF dan PDRM.
- iv) Penubuhan '*baby hatch*' oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Hospital KPJ adalah antara usaha yang dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan berlakunya kejadian pembuangan bayi dan seterusnya kematian bayi yang tidak berdosa.